



KEBERKESANAN LAMAN WEB EKIBTA SEBAGAI MEDIUM PEMBELAJARAN DALAM MENINGKATKAN KEFAHAMAN MURID TERHADAP TOPIK AKIDAH TINGKATAN DUA

THE EFFECTIVENESS OF THE EKIBTA WEBSITE AS A LEARNING MEDIUM IN ENHANCING FORM TWO STUDENTS' UNDERSTANDING OF AQIDAH TOPICS

Muhammad Irfanuddin Mohd Fuad^{1*}, W Omar Ali Saifuddin Wan Ismail², Muhamad Aiman Noor Azri³, Muhammad Hilmy Kamaruddin⁴, Muhammad Irfan Hamizan Azhar⁵, Muhammad Aiman Mohd Khairul Nizam⁶


¹ Pusat Pengajian Pendidikan Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia

 irfanuddinfuad6@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0003-9503-7876>

² Pusat Pengajian Pendidikan Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia

 woasaifuddin@gmail.com

 <https://orcid.org/0000-0002-8605-6448>


³ Pusat Pengajian Pendidikan Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia

 aimankop08@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0001-7563-0459>

⁴ Pusat Pengajian Pendidikan Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia

 hilmy1640@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0004-8305-4641>

⁵ Pusat Pengajian Pendidikan Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia

 irfanhamizan154@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0008-9157-9068>

⁶ Pusat Pengajian Pendidikan Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia

 muhdmei01@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0000-5939-7880>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 10.02.2026

Revised date: 25.02.2026

Accepted date: 26.03.2026

Published date: 31.03.2026

Abstrak:

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan penggunaan laman web eKiBTa (Elektronik Kit Bidang Tauhid) sebagai bahan bantu mengajar digital dalam meningkatkan kefahaman pelajar terhadap topik Akidah Tingkatan Dua dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk pra dan pasca ujian bagi mengukur perubahan kefahaman pelajar sebelum dan selepas

To cite this document:

Mohd Fuad, M. I., Wan Ismail, W. O. A. S., Noor Azri, M. A., Kamaruddin, M. H., Azhar, M. I. H., & Nizam, M. A. M. K. (2026). Keberkesanan Laman Web eKiBTa Sebagai Medium Pembelajaran Dalam Meningkatkan Kefahaman Murid Terhadap Topik Akidah Tingkatan Dua. *International Journal of Modern Education*, 8(29), 1225-1235.

DOI:10.35631/IJMOE.829071

penggunaan eKiBTa. Seramai 200 orang pelajar dipilih sebagai sampel kajian melalui kaedah pensampelan bertujuan. Data dikumpulkan melalui ujian pra dan ujian pasca, serta disokong oleh pemerhatian dan maklum balas pelajar. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan pencapaian pelajar selepas penggunaan eKiBTa. Selain itu, pelajar juga menunjukkan tahap penglibatan dan minat yang lebih tinggi terhadap pembelajaran berasaskan teknologi. Penggunaan elemen multimedia dan susun atur kandungan yang sistematik membantu pelajar memahami konsep Akidah dengan lebih jelas. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan eKiBTa berpotensi sebagai bahan bantu mengajar digital dalam menyokong pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang lebih interaktif dan berpusatkan pelajar.

Kata Kunci:

Akidah; Bahan Bantu Mengajar Interaktif; eKiBTa; Kefahaman Pelajar; Pembelajaran Digital.

Abstract:

This study aims to evaluate the effectiveness of the eKiBTa (Electronic Kit for Tauhid) website as a digital teaching aid in enhancing students' understanding of the Aqidah topic among Form Two students in Islamic Education. The study adopts a quantitative approach using a pre-test and post-test design to measure changes in students' understanding before and after the use of eKiBTa. A total of 200 students were selected as the sample through purposive sampling. Data was collected through pre-test and post-test assessments, supported by observations and student feedback. The findings indicate an improvement in students' achievement after the implementation of eKiBTa. In addition, students demonstrated higher levels of engagement and interest in technology-based learning. The use of multimedia elements and well-structured content also contributed to clearer understanding of Aqidah concepts. Overall, the study suggests that eKiBTa has the potential to serve as an effective digital teaching aid in supporting more interactive and student-centred teaching and learning in Islamic Education.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijmoe@gaexcellence.com

Keyword:

Akidah; Digital Learning; eKiBTa; Interactive Teaching Aids; Student Understanding.

Pengenalan

Dunia pendidikan masa kini sedang mengalami transformasi yang pesat akibat perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), yang membawa perubahan ketara dalam ekosistem pembelajaran global. Transformasi ini bukan sahaja melibatkan aspek infrastruktur fizikal sekolah, malah turut menuntut perubahan dalam pendekatan dan metodologi penyampaian ilmu oleh para pendidik (Gros, 2016). Di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

telah menetapkan hala tuju yang jelas melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025, khususnya melalui anjakan yang menekankan pemanfaatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) bagi meningkatkan kualiti pembelajaran merentas pelbagai bidang, termasuk Pendidikan Islam (KPM, 2013). Sehubungan itu, integrasi teknologi dalam bilik darjah dilihat sebagai satu pendekatan yang relevan dalam menyokong pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) yang berpusatkan pelajar.

Dalam konteks Pendidikan Islam, yang berperanan sebagai teras pembentukan sahsiah dan rohani pelajar, penggunaan teknologi digital perlu diberi perhatian selaras dengan perkembangan semasa. Menurut Ab. Halim Tamuri (2015), keberkesanan pengajaran Pendidikan Islam bergantung kepada keupayaan guru untuk mengintegrasikan medium pembelajaran yang sesuai dengan keperluan dan ciri generasi pelajar masa kini. Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) digital berupaya menyokong peralihan daripada pembelajaran pasif kepada pembelajaran yang lebih aktif dan interaktif. Selain itu, pembelajaran berasaskan laman web (web-based learning) membolehkan pelajar mengakses kandungan pembelajaran secara fleksibel tanpa kekangan masa dan lokasi (Hashim & Wan Hassan, 2020). Pendekatan ini juga selari dengan teori konstruktivisme yang menekankan pembinaan pengetahuan melalui interaksi aktif dengan bahan pembelajaran.

Bidang Akidah, sebagai salah satu komponen utama dalam kurikulum Pendidikan Islam Tingkatan Dua, sering dianggap mencabar oleh pelajar kerana sifat kandungannya yang abstrak dan memerlukan kefahaman yang mendalam. Oleh itu, penggunaan teknologi digital dilihat sebagai salah satu pendekatan yang berpotensi membantu memvisualisasikan konsep-konsep tersebut dengan lebih jelas dan sistematik. Dalam hal ini, pembangunan laman web eKiBTa (Elektronik Kit Bidang Tauhid) merupakan satu usaha untuk menyediakan bahan bantu mengajar digital yang menggabungkan elemen multimedia seperti grafik, video dan susun atur kandungan yang tersusun. Elemen-elemen ini berperanan dalam membantu pelajar memahami konsep Akidah dengan lebih berkesan serta menghubungkan pengetahuan teori dengan kefahaman yang lebih bermakna (Haron et al., 2021).

Pernyataan Masalah

Meskipun kesedaran terhadap kepentingan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pendidikan semakin meningkat, pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam di lapangan masih banyak bergantung kepada kaedah tradisional yang bersifat sehala (Musa et al., 2019). Pendekatan ini berpotensi menyebabkan pelajar kurang berminat, khususnya apabila melibatkan topik Akidah yang memerlukan kefahaman yang mendalam serta keupayaan berfikir secara abstrak.

Selain itu, kekurangan bahan bantu mengajar digital yang sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar masa kini turut menjadi cabaran dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran. Tanpa penggunaan bahan yang interaktif dan kontekstual, pelajar cenderung untuk mengalami kesukaran dalam memahami konsep serta mengaitkan pembelajaran dengan situasi sebenar. Situasi ini menjadi lebih kompleks dengan kewujudan pelbagai sumber maklumat digital yang tidak disaring mengikut sukatan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Sebahagian kandungan yang tersedia mungkin tidak tepat atau tidak sesuai dengan tahap kognitif pelajar (Zailani et al., 2022). Keadaan ini menyukarkan guru untuk memilih bahan yang sesuai serta melaksanakan pembelajaran sendiri secara berkesan.

Di samping itu, kajian berkaitan keberkesanan penggunaan laman web dalam pembelajaran Pendidikan Islam, khususnya dalam topik Akidah, masih terhad dan kurang dibuktikan melalui data empirikal yang sistematik. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menilai sejauh mana penggunaan laman web eKiBTa sebagai bahan bantu mengajar digital dapat menyokong peningkatan kefahaman pelajar dalam topik Akidah.

Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai implikasi terhadap beberapa pihak dalam bidang pendidikan. Dari perspektif pelajar, penggunaan laman web eKiBTa menyediakan alternatif pembelajaran yang lebih interaktif dan membantu memvisualisasikan konsep Akidah yang bersifat abstrak. Elemen interaktiviti yang disediakan berpotensi meningkatkan penglibatan pelajar serta menyokong pemahaman yang lebih bermakna.

Bagi guru Pendidikan Islam, kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan dalam pemilihan dan penggunaan bahan bantu mengajar digital yang bersesuaian dengan keperluan pelajar. Penggunaan teknologi dalam pengajaran dilihat sebagai satu pendekatan yang boleh menyokong penyampaian kandungan secara lebih sistematik dan berkesan. Dari sudut institusi pendidikan dan pihak berkepentingan, dapatan kajian ini menyediakan maklumat berkaitan penggunaan teknologi dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, kajian ini turut menyumbang kepada pengembangan literatur dalam bidang teknologi pendidikan Islam, khususnya berkaitan penggunaan laman web sebagai medium pembelajaran. Bagi memastikan hala tuju kajian lebih jelas, beberapa objektif telah digariskan, iaitu menilai kebolegunaan laman web eKiBTa, mengukur tahap peningkatan kefahaman pelajar melalui perbandingan ujian pra dan ujian pasca, serta meneliti persepsi pelajar terhadap penggunaan platform tersebut. Melalui objektif ini, kajian diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang peranan teknologi dalam menyokong pembelajaran Pendidikan Islam.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan campuran (*mixed-method*) yang menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi menilai keberkesanan penggunaan platform digital e-Kibta sebagai medium pembelajaran dalam topik Akidah Tingkatan Dua. Pendekatan ini dipilih bagi membolehkan pengkaji menilai perubahan pencapaian pelajar secara empirikal melalui data kuantitatif, di samping memahami pengalaman, persepsi serta tahap penglibatan pelajar secara mendalam melalui data kualitatif.

Dari segi reka bentuk kajian, kajian ini menggunakan reka bentuk pra-ujian dan pasca-ujian (*pre-test dan post-test design*) bagi mengukur tahap kefahaman pelajar sebelum dan selepas intervensi penggunaan platform e-Kibta. Reka bentuk ini membolehkan perbandingan secara langsung dibuat terhadap perubahan pencapaian pelajar serta menilai keberkesanan intervensi secara objektif dan sistematik.

Populasi kajian ini terdiri daripada 400 orang pelajar Tingkatan Dua di sebuah sekolah menengah harian di Kuala Terengganu. Daripada jumlah tersebut, seramai 196 orang pelajar dipilih sebagai responden kajian melalui kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Pemilihan ini dibuat berdasarkan penglibatan langsung pelajar dengan penggunaan platform e-Kibta, bagi memastikan data yang diperolehi adalah relevan, autentik serta selari dengan objektif kajian.

Selain pelajar, guru Pendidikan Islam turut dilibatkan sebagai pemerhati bagi menilai kesesuaian kandungan, keberkesanan penyampaian serta tahap interaksi pelajar sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Fasilitator pula memainkan peranan penting dalam memberi taklimat awal, membimbing pelajar semasa penggunaan platform, serta memastikan kelancaran pelaksanaan aktiviti pembelajaran.

Pengumpulan data dijalankan melalui beberapa instrumen utama iaitu ujian pra dan ujian pasca, pemerhatian berfokus serta sesi soal jawab secara langsung. Dari segi prosedur pelaksanaan, kajian dimulakan dengan ujian pra, diikuti dengan penggunaan platform e-Kibta oleh pelajar, dan diakhiri dengan ujian pasca.

Data kuantitatif dianalisis menggunakan analisis deskriptif, manakala data kualitatif dianalisis menggunakan analisis tema. Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan kajian, instrumen telah disemak oleh pakar dan triangulasi kaedah digunakan. Kajian ini juga mematuhi etika penyelidikan termasuk kerahsiaan dan persetujuan responden.

Keputusan dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian berkaitan penggunaan laman web eKiBTa sebagai bahan bantu mengajar digital dalam topik Akidah Tingkatan 3. Analisis dijalankan berdasarkan perbandingan keputusan ujian pra dan ujian pasca yang melibatkan 200 orang pelajar di sebuah sekolah menengah di Kuala Terengganu. Dapatan menunjukkan peningkatan pencapaian pelajar selepas penggunaan eKiBTa dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Reka bentuk pra-pasca yang digunakan membolehkan perubahan pencapaian diukur secara sistematik dan objektif. Selain itu, saiz sampel yang besar meningkatkan kebolehpercayaan dapatan serta mengurangkan risiko bias dalam analisis. Penggunaan eKiBTa juga didapati menyokong pembelajaran berpusatkan pelajar melalui penyampaian kandungan yang lebih interaktif dan berfokus. Hal ini selari dengan keperluan pembelajaran berasaskan teknologi dalam konteks pendidikan abad ke-21.

Jadual 1: Bilangan Markah, Bilangan Pelajar, dan Peratusannya dalam Ujian Pra Bagi Tajuk Akidah Tingkatan Dua

Bilangan markah	Bilangan pelajar	Peratusan
7	40	20 %
6	40	20 %
5	80	40 %
4	16	8 %
2	24	12 %

Sumber: Keputusan daripada Ujian Pra

Hasil ujian pra menunjukkan tahap pencapaian awal pelajar sebelum penggunaan eKiBTa. Secara keseluruhan, majoriti pelajar berada pada tahap sederhana, manakala sebahagian kecil mencapai tahap tinggi dan selebihnya berada pada tahap rendah. Dapatan ini menunjukkan bahawa kefahaman awal pelajar terhadap topik Akidah masih belum menyeluruh. Wujud variasi pencapaian yang ketara, yang mencerminkan perbezaan tahap penguasaan dan latar belakang pembelajaran pelajar.

Selain itu, sebahagian pelajar masih menghadapi kesukaran dalam memahami konsep Akidah yang bersifat abstrak. Keadaan ini menunjukkan keperluan kepada pendekatan pengajaran yang lebih interaktif dan berkesan bagi membantu meningkatkan kefahaman pelajar. Dapatan ini selari dengan Mohd Aderi Che Noh (2018) yang menyatakan bahawa penguasaan Akidah boleh terjejas apabila pengajaran terlalu berpusatkan guru tanpa sokongan visual dan interaktif. Oleh itu, intervensi menggunakan bahan bantu mengajar digital dilihat sebagai satu keperluan untuk mengatasi jurang kefahaman dalam kalangan pelajar.

Jadual 2: Bilangan Markah, Bilangan Pelajar, dan Peratusannya dalam Ujian Pasca Bagi Tajuk Akidah Tingkatan Dua

Bilangan markah	Bilangan pelajar	Peratusan
10	68	34%
9	76	38%
8	48	24%
7	8	4%

Sumber: Keputusan daripada Ujian Pasca

Keputusan ujian pasca menunjukkan peningkatan pencapaian pelajar selepas penggunaan eKiBTa. Majoriti pelajar mencapai tahap penguasaan yang tinggi, manakala bilangan pelajar pada tahap sederhana dan rendah adalah minimum. Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan eKiBTa membantu meningkatkan kefahaman pelajar terhadap konsep Akidah secara lebih menyeluruh. Selain itu, peningkatan pencapaian juga menunjukkan keberkesanan pendekatan pembelajaran digital dalam menyokong proses pengajaran dan pembelajaran.

Penggunaan elemen multimedia seperti grafik, animasi dan video turut membantu pelajar memvisualisasikan konsep yang abstrak. Hal ini menyokong pembelajaran secara aktif serta selari dengan teori konstruktivisme (Haron et al., 2021). Di samping itu, kandungan yang tersusun mengikut sukatan KSSM membantu pelajar belajar secara lebih fokus dan terarah. Pendekatan ini juga meningkatkan minat serta motivasi pelajar, khususnya dalam kalangan generasi digital (Ab. Halim Tamuri, 2015). Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa integrasi teknologi melalui eKiBTa memberi impak positif terhadap pencapaian pelajar dalam topik Akidah.

Jadual 3: Jumlah Peratusan Purata Markah Ujian

Jenis ujian	Jumlah peratusan
Pra	51.6 %
Pasca	90.2 %

Sumber: Keputusan daripada Ujian Pra dan Pasca

Analisis menunjukkan bahawa purata markah pelajar meningkat daripada 51.6% dalam ujian pra kepada 90.2% dalam ujian pasca. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 38.6 mata peratus. Peningkatan ini memberikan indikasi bahawa penggunaan eKiBTa menyumbang kepada penambahbaikan pencapaian pelajar dalam topik Akidah. Selain itu, dapatan ini juga menunjukkan bahawa bahan bantu mengajar digital berasaskan web mampu menyokong pemahaman terhadap konsep yang bersifat abstrak. Dapatan ini selari dengan kajian terdahulu yang menegaskan bahawa penggunaan teknologi dan multimedia interaktif dapat meningkatkan kefahaman dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran (Gros, 2016; Hashim & Wan Hassan, 2020).

Kesimpulan Hasil Kajian

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan eKiBTa memberikan peningkatan pencapaian pelajar dalam topik Akidah berdasarkan perbandingan keputusan ujian pra dan ujian pasca yang dijalankan. Peningkatan ini memperlihatkan perubahan positif dalam tahap kefahaman pelajar, khususnya dalam memahami konsep-konsep Akidah yang sebelum ini dianggap sukar dan abstrak. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa integrasi teknologi dalam pengajaran Pendidikan Islam dapat menyokong proses pembelajaran yang lebih interaktif, sistematik dan berpusatkan pelajar. Melalui penggunaan eKiBTa, pelajar berpeluang mengakses kandungan pembelajaran secara sendiri, mengulang pembelajaran mengikut keperluan serta membina kefahaman secara lebih aktif. Keadaan ini secara tidak langsung membantu meningkatkan penglibatan pelajar dalam PdP serta menggalakkan pembelajaran yang lebih bermakna.

Dari perspektif pedagogi, penggunaan eKiBTa memberi nilai tambah kepada guru dalam menyampaikan kandungan Akidah dengan lebih jelas dan tersusun. Elemen multimedia yang digunakan membantu memudahkan penerangan konsep serta menyokong pemahaman pelajar melalui pendekatan visual dan interaktif. Hal ini menunjukkan bahawa bahan bantu mengajar digital berpotensi untuk memperkukuh keberkesanan PdP, khususnya dalam mata pelajaran yang melibatkan konsep abstrak. Selain itu, dapatan kajian ini turut memberikan implikasi terhadap amalan pengajaran, di mana penggunaan teknologi boleh dijadikan sebagai salah satu pendekatan alternatif dalam meningkatkan kualiti pembelajaran. Pengintegrasian teknologi seperti eKiBTa dapat membantu mengurangkan jurang kefahaman dalam kalangan pelajar serta menyokong pembelajaran yang lebih inklusif dan fleksibel.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberi indikasi bahawa penggunaan eKiBTa berpotensi sebagai bahan bantu mengajar digital dalam Pendidikan Islam, selaras dengan keperluan pembelajaran abad ke-21 yang menekankan penggunaan teknologi dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, penggunaan platform seperti eKiBTa wajar dipertimbangkan untuk diperluaskan dalam konteks pengajaran Pendidikan Islam pada masa hadapan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan laman web eKiBTa sebagai bahan bantu mengajar digital memberi kesan positif terhadap pencapaian dan penguasaan pelajar dalam topik Akidah Tingkatan 3. Berdasarkan analisis perbandingan antara ujian pra dan ujian pasca, terdapat peningkatan prestasi pelajar, khususnya dari aspek kefahaman konsep yang lebih jelas dan menyeluruh. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan teknologi yang interaktif dan berpusatkan pelajar berupaya menyokong proses pengajaran dan pembelajaran, terutamanya dalam menyampaikan kandungan Akidah yang bersifat abstrak. Penggunaan elemen multimedia seperti grafik dan animasi membantu meningkatkan penglibatan pelajar serta menyokong pemahaman konsep dengan lebih berkesan. Selain itu, dapatan kajian ini memberikan indikasi bahawa integrasi teknologi dalam Pendidikan Islam dapat menyumbang kepada pembelajaran yang lebih bermakna serta menggalakkan pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar. Hal ini selari dengan keperluan pembelajaran abad ke-21 yang menekankan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Dari perspektif pedagogi, penggunaan eKiBTa dapat membantu guru menyampaikan

kandungan secara lebih sistematik dan mudah difahami. Oleh itu, penggunaan bahan bantu mengajar digital seperti eKiBTa boleh dipertimbangkan sebagai salah satu pendekatan dalam memperkukuh pengajaran Pendidikan Islam. Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa integrasi teknologi digital berpotensi menyokong keberkesanan pengajaran dan pembelajaran serta membantu pelajar memahami dan mengaplikasikan konsep Akidah dengan lebih baik dalam kehidupan seharian.

Penghargaan: Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.

**Penyataan
Pembiayaan:** Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.

**Pernyataan Konflik
Kepentingan:** Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE)

Pernyataan Etika: Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.

**Pernyataan
Sumbangan Penulis:** Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Muhammad Aiman Mohd Khairul Nizam bertanggungjawab terhadap pengkonsep, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Muhammad Irfan Hamizan Azhar mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Muhamad Aiman Noor Azri menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri. (2015). *Inovasi pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam*. Bangi, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Aziz Basri & Muhammad Modi Lakulu. (2018). Kesan penggunaan teknik inkuiri penemuan berbanding tutorial dalam pembinaan koswer terhadap pencapaian pelajar. *Journal of ICT in Education (JICTIE)*, 5, 40–47.
- Ahmad Syukari Haron, Siti Mohamad, Mohd Aliff Hussain, & Norhayati Ismail. (2021). Cabaran dan prospek pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) dalam pendidikan Islam. *International Journal of Humanities, Technology and Civilization*, 6(1), 12–25.
- All, A., Nuñez Castellar, E. P., & Van Looy, J. (2016). Assessing the effectiveness of digital game-based learning: Best practices. *Computers & Education*, 92–93, 90–103.
- Azmil Hashim & Wan Ahmad Wan Hassan. (2020). Penggunaan laman web interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran: Satu tinjauan literatur. *Jurnal Kurikulum Malaysia*.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Gros, B. (2016). *The design of smart learning environments*. Singapore: Springer.
- Herman Dwi Surjono. (2017). *Multimedia pembelajaran interaktif: Konsep dan pengembangan*. UNY Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013–2025*. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Mohd Aderi Che Noh. (2018). *Pedagogi pendidikan Islam berkesan*. Serdang, Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Aderi Zailani, Siti Mohamad, Mohd Aliff Hussain, & Norhayati Ismail. (2022). Strategi meningkatkan kefahaman akidah melalui media digital. *Journal of Islamic Educational Research*, 7(1), 88–102.
- Mohd Jamil Ali, Abdul Bari Karim, & Siti Fatimah Omar. (2019). Integrasi multimedia dalam pengajaran akidah: Cabaran dan prospek. In *Prosiding Seminar Antarabangsa Teknologi Pendidikan Islam* (pp. 112–125).
- Mohd Syaubari Othman, Abu Bakar Yusof, Mohd Afifi Bahuruddin Setambah, Tajul Rosli Shuib, & Mohamed Marzuqi Abd Rahim. (2023). Pelaksanaan gamifikasi kurikulum al Quran dan Fardu Ain (KAFA). *Jurnal Ilmi*, 13, 1–14.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawi. (2020). Transformasi pengajaran dan pembelajaran multimedia dalam pendidikan Islam: Satu perbincangan. *Journal of ICT in Education (JICTIE)*, 7(2), 14–26.
- Niman, E. M., Eso Ntelok, Z. R., Arjono Wejang, H. E., & Divan, S. (2024). The effect of audio-visual learning media on the memory of elementary school students. *International Journal of Multidisciplinary Research and Analysis*, 7(11).
- Nur Azah Aziz & Siti Aishah Kamaruddin. (2021). Impak teknologi digital terhadap penghayatan akidah remaja di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam Online*, 9(2), 45–60.
- Nurul Julia Alani Henry. (2021). Kuasa internet dan era digital. *Pelita Bahasa*, April, 5.
- Say, F. S., & Yildirim, F. S. (2020). Flipped classroom implementation in science teaching. *International Online Journal of Education and Teaching*, 7(2), 606–620.
- Siti Zaharah Mohid, Roslinda Ramli, Khairul Abdul Rahman, & Nik Nurul Shahabuddin. (2018). Teknologi multimedia dalam pendidikan abad ke-21. In *Proceedings of the 5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018)*.

- Zainuddin, Z., Shujahat, M., Haruna, H., & Chu, S. K. W. (2020). The role of gamified quizzes on student learning and engagement: An interactive gamification solution for a formative assessment system. *Computers & Education*, 145, 103.
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2008). *Teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran: Teori dan praktis*. Bangi, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Lampiran

UJIAN AKIDAH TINGKATAN 2

Bahagian A : Kekuatan dan kekuasaan Allah Taala :

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Al-qawiy dan Al-Qadir dari segi bahasa ?

2. Apakah bukti Allah SWT bersifat Al-Qadir ?

Bahagian B : Beriman kepada malaikat :

1. Malaikat _____ telah ditugaskan untuk menyampaikan wahyu kepada Nabi & Rasul.
2. Malaikat diciptakan daripada _____.
3. _____ dan Atid adalah dua malaikat yang mencatat segala amalan baik dan buruk manusia.
4. Di dalam kubur, malaikat Munkar dan Nakir akan menyoal manusia mengenai _____ mereka semasa hidup.

Bahagian C : Beriman kepada kitab :

1. Nyatakan keistimewaan Al-Quran berbanding kitab Samawi yang lain ?

2. Apakah hukum beriman kepada Al-Quran ?

Gambar di atas menunjukkan soalan yang akan dijawab oleh pelajar tingkatan dua untuk ujian pra dan pasca.